

Bil. S 32

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah di bawah bab 83(3))

PERINTAH AKTA UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM
(PINDAAN), 2003

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh ceraihan (3) bab 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran.

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Akta Universiti Brunei Darussalam (Pindaan), 2003.

Pindaan Jadual kepada Penggal 157.

2. Jadual kepada Akta Universiti Brunei Darussalam adalah dipinda dengan memansuhkan ceraihan (1) bab 44 dan menggantikannya dengan ceraihan baru yang berikut —

"(1) Akaun-akaun Universiti hendaklah diaudit pada tiap-tiap tahun oleh —

(a) Juruaudit Agung; atau

(b) mana-mana orang yang telah diberi kuasa bagi melaksanakan kewajipan-kewajipan yang dikehendaki oleh Akta Syarikat (Penggal 39) untuk dilaksanakan oleh seorang juruaudit, yang akan dilantik pada tiap-tiap tahun oleh Majlis:

Dengan syarat bahawa jika akaun-akaun Universiti telah diaudit oleh seseorang yang dilantik di bawah perenggan (b), akaun-akaun itu boleh disahkan oleh Juruaudit Agung sebelum akaun-akaun itu dikemukakan kepada Menteri Kewangan menurut ceraihan (2).".

Diperbuat pada hari ini 21 haribulan Muharam, Tahun Hijrah 1424 bersamaan dengan 24 haribulan Mac, 2003 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM